

Self-Favorability Bias (Part 4)

Azizi Hj Yahaya

Maklumbalas yang diproses secara terpilih datang dari dua sumber: sosial dan non-sosial. Contoh bagi nonsosial adalah ciri-ciri fizikal yang nyata dan jelas serta darjah kejayaan seseorang dalam memanipulasikan persekitaran fizikal. Jika penekanan yang dibuat oleh Adler benar mengenai fenomena biologikal dalam perasaan rendah diri, sesetengah informasi jenis ini mungkin tidak begitu menggalakkan. Orang tua dan kanak-kanak berkemungkinan besar berhadapan dengan informasi yang tidak membawa keberuntungan ini. Walau bagaimanapun, seseorang boleh berspekulasi bahawa kanak-kanak mungkin kurang terkesan atas dua sebab;

- (a) mereka tidak mempunyai piawaian kesempurnaan kerana ia hanya akan dipelajari kemudian, manakala warga tua pula telah mempelajari piawaian untuk menilai ciri-ciri fizikal dan kecekapan dalam memanipulasi persekitaran fizikal.
- (b) Oleh kerana kanak-kanak secara tipikalnya boleh memperbaiki kemahiran dan kekuatan fizikal, mereka lebih cenderung untuk dimotivasikan di sebalik maklumbalas nonsosial yang lemah. Walau bagaimanapun ini tidak benar kepada orang tua yang tidak dapat tidak menyedari kemerosotan mereka dalam ciri-ciri nonsosial dan kemahiran.

Menurut (Wylie, 1979) lagi, terdapat amalan tertentu yang biasa diamalkan dan diketahui dalam sesetengah budaya yang akan menyokong mekanisme terpilih yang digunakan oleh individu untuk menguat dan mengekalkan keberuntungan diri dalam konsep kendiri. Pertama, ia menunjukkan bahawa kebanyakan ibubapa dan guru mempunyai kecenderungan untuk bertindakbalas menyokong tingkahlaku atau ciri-ciri yang diingati pada kanak-kanak tanpa membuat perbandingan dengan kanak-kanak yang lain. Walaupun ibu bapa dan guru-guru juga perlu meberi perhatian terhadap tingkahlaku yang tidak diingini, mereka selalunya dinasihati supaya menjelaskan kepada kanak2 bahawa terdapat ciri-ciri tertentu yang perlu diubahsuai. Tambahan pula, kanak-kanak secara keseluruhannya boleh menerima saranan mereka. Jika kanak-kanak diberi keperluan bagi pengukuhan konsep kendiri dan mekanisme proses memilih, didikan awal ini sepatutnya menjurus ke arah trend yang mantap kearah perasaan bahawa seseorang sekurang-kurangnya sederhana atau lebih dalam kebanyakannya aspek. Kesan ini nampaknya lebih munasabah apabila seseorang menimbangkan bahawa kanak-kanak ini mempunyai rujukan yang sempit untuk menilai diri mereka. Oleh yang demikian, dia tidak dapat memahami lingkungan perbandingan yang boleh menunjukkan bahawa dia adalah di bawah tahap sederhana.

Kedua, apabila orang dewasa berinteraksi, amalan sosial yang diterima untuk mengampu seseorang (E.E. Jones, 1964 dalam Wylie 1979) dengan menggunakan kebijaksanaan atau kepura-puraan akan menjuruskan tiap-tiap individu ke arah menerima maklumbalas positif daripada realitinya mewakili pandangan orang lain terhadap dirinya sendiri.

Apabila seseorang itu melewati usia, maklumbalas nonsosial tentang ciri-ciri fizikal dan kebolehan kemungkinan meningkat secara negatif (Hewstone & Stroebe, 1999). Walaupun "self favourability" seseorang yang berumur itu terbentuk pada satu tahap oleh kebijaksanaan dan pengampuan orang lain, pengaruh sosial positif ini berkemungkinan terhalang oleh pengetahuannya bahawa warga tua dipandang rendah oleh budaya. Oleh itu, seseorang mungkin

berspekulasi bahawa “self favourability biases” akan merosot antara umur pertengahan dan tua (Wylie,1979).

Wylie (1979) juga telah menyebutkan tentang kesan yang mungkin terhadap realiti dalam tendensi kejayaan yang semakin berkurangan untuk mengekalkan “self favorability biases” melalui proses terpilih atau penyimpangan maklumbalas tentang ciri-ciri kendiri. Dengan memfokuskan tentang maklumat ini, seseorang mungkin akan membuat spekulasi bahawa pada mana-mana usia sekalipun, semakin kurang “self favorability biases” yang akan ditemui berhubung dengan dimensi dimana subjek telah diberikan maklumat tentang diri mereka dengan jelas.

CONTINUE...